

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. ANANTHAN A/L
SOMASUNDARAM**

TARIKH : 10 DISEMBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO. 48

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah kutipan yang dibuat oleh Kerajaan melalui pungutan cukai jalan kenderaan bermotor dan berapakah jumlah peruntukan dari sumber tersebut digunakan untuk membina dan menyelenggarakan rangkaian jalan raya di seluruh negara.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Kutipan hasil bagi Lesen Kenderaan Motor (LKM) merupakan salah satu penyumbang utama kepada hasil Kerajaan. Pada tahun 2017, jumlah kutipan yang dibuat oleh Kerajaan melalui pungutan cukai jalan kenderaan bermotor adalah sebanyak RM 2.81 Billion. Manakala, bagi tahun ini pula iaitu sehingga Oktober 2018, pihak Kerajaan telah mengutip sebanyak RM2.44 Billion bagi pungutan cukai jalan kenderaan bermotor.
2. Untuk makluman Ahli Dewan Yang Mulia ini, kesemua kutipan hasil Kerajaan akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Hasil Disatukan dan semua perbelanjaan Kerajaan dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Hasil Disatukan ini. Peruntukan bagi peruntukan dari sumber tersebut pembinaan dan menyelenggarakan rangkaian jalan raya pula akan disalurkan terus kepada Kementerian Kerja Raya bagi rangkaian Jalan Raya Persekutuan.

Sekian, terima kasih.